

PM jamin tambah peruntukan khas Sabah

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan mempertimbangkan untuk menambah peruntukan khas kepada Sabah pada tahun ini.

Katanya, sebelum ini beliau mengumumkan peruntukan khas RM300 juta kepada Sarawak dan kurang daripada RM300 juta kepada Sabah namun, semalam beliau mengumumkan untuk pertimbangkan tambahan peruntukan tersebut.

Peruntukan khas yang tidak selesai dibincang selama lebih 30 tahun ini akan membantu mempercepatkan proses pembangunan di negeri ini kerana pembangunan Sabah sudah jauh ketinggalan.

Katanya, Sabah masih jauh ketinggalan maka, beberapa peruntukan yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) akan diberi perhatian di bawah kerajaan perpaduan.

“Di peringkat permulaan kita memberi kuasa kepada



ANWAR Ibrahim bersama isteri, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail dan Ketua Menteri Sabah. Datuk Seri Hajiji Noor merakamkan gambar kenangan bersama penjawat awam Sabah di Kota Kinabalu semalam.

negeri untuk mengurus projek bernilai RM50 juta ke bawah jadi kita mahu ia dicerakinkan mengikut beberapa prosedur.

“Apabila kita beri kuasa kepada negeri maka, pada lawatan akan datang, saya akan bertanya kepada Ketua Menteri

bila projek itu akan siap.

“Jadi, ini adalah cabaran kepada penjawat awam di negeri ini terutama Jabatan Kerja Raya (JKR),” katanya semasa Majlis Amanat Perdana Menteri kepada Penjawat Awam Negeri dan Persekutuan di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau menggesa penjawat awam untuk sama-sama dengan kepeimpinan negeri meletakkan Sabah di landasan yang betul dengan menghentikan segala ketirisan dan kebocoran dalam pentadbiran kerajaan.